

# Kejayaan peringkat Parlimen beri pengaruh besar: Ahli akademik

**Kuala Lumpur:** Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri (DUN) berasingan dengan Parlimen memberi kelebihan kepada Barisan Nasional (BN) untuk menang besar terutama di peringkat akar umbi.

Profesor Politik dan Kerajaan, Fakulti Ekologi Kemanusiaan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Jayum Jawan, berkata ini kerana kejayaan di peringkat Parlimen memberi pengaruh besar dan boleh menjejaskan kekuatan di peringkat negeri.

## Rakyat boleh menilai

"Kemungkinan besar negeri terbabit boleh tumbang besar. Ini kebaikan apabila mengadakan pilihan raya berasingan kerana rakyat boleh menilai dan melihat parti yang menang di Persekutuan, sekali gus menjejaskan negeri yang mengadakan pilihan raya.

"(Pilihan raya berasingan) tidak semestinya memberi kelebihan kepada pembangkang," katanya ketika dihubungi semalam.

Beliau mengulas hasrat Selangor mahu mengadakan pilihan raya berasingan dan keputusan itu jika dilaksanakan akan meningkatkan kos antara RM47 juta hingga RM50 juta.

Mengulas lanjut, Jayum berkata menjadi hak sesuatu parti yang memerintah untuk membubarkan sidang DUN mereka dan perkara itu bukan sesuatu yang asing kerana pernah berlaku di Sabah dan Sarawak.

## Pakatan tak sepakat

"Kita tidak boleh memaksa atau mengutuk sesiapa yang tidak mahu membubarkan dewan walaupun perkara itu membazir dan membabitkan duit rakyat.

"Namun, langkah Kedah

dan Kelantan yang mahu mengikut Kerajaan Pusat mengadakan pilihan raya serentak dilihat amat menarik kerana menunjukkan ketidaksepakatan antara pakatan pembangkang.

"Ini memberi gambaran negatif kepada rakyat dalam usaha mereka menawan Putrajaya," katanya.

## Perlu tampilkan calon baru

Beliau berkata, bagi memastikan kemenangan besar pada pilihan umum nanti, BN perlu menampilkan sekurang-kurangnya 40 peratus calon baru.

"Rakyat tidak mahu 'calon kitar semula', calon yang ditolak sebelum ini. Rakyat kini sudah matang... bijak memilih termasuk menilai janji yang tidak mampu dilaksanakan.

"Mereka mahu calon jujur, bercakap benar, bukan menipu dengan janji 'bulan dan bintang,'" katanya.

“

*Kemungkinan besar negeri terbabit boleh tumbang besar. Ini kebaikan apabila mengadakan pilihan raya berasingan kerana rakyat boleh menilai dan melihat parti yang menang di Persekutuan, sekali gus menjejaskan negeri yang mengadakan pilihan raya”*

**Dr Jayum Jawan,**  
Profesor Politik dan  
Kerajaan, UPM